



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

Ruj. Kami : DVS:MVM/KP/JILID II (42)

Tarikh : 8 Mei 2020

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

KEBENARAN BEROPERASI DAN GARIS PANDUAN BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN KLINIK VETERINAR SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa pada 4 Mei 2020, beberapa perkhidmatan veterinar yang berkaitan dengan haiwan kesayangan antara aktiviti yang dibenarkan beroperasi mengikut waktu operasi biasa bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan haiwan kesayangan (pet) seperti berikut:

- i. Klinik haiwan kesayangan dan *mixed practice*;
- ii. Makanan haiwan kesayangan (termasuk bahan mentah makanan haiwan kesayangan);
- iii. Ubat-ubatan dan keperluan berkaitan haiwan kesayangan; dan
- iv. Perkhidmatan dan keperluan sokongan kepada industri haiwan kesayangan,

3. Walaubagaimanapun, pihak yang terlibat adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Garis Panduan Perkhidmatan Klinik Veterinar semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah seperti di lampiran untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. NORLIZAN BIN MOHD. NOOR)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan)
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

s.k Pendaftar, MVC



GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN KLINIK VETERINAR DI SELURUH MALAYSIA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1. Perkhidmatan klinik veterinar:

- i. Semua klinik veterinar dibenarkan beroperasi seperti biasa mengikut waktu operasi biasa dengan mematuhi syarat-syarat dan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa;
- ii. Bagi mengurangkan pergerakan secara besar-besaran dan kesesakan di dalam premis, digalakkan untuk melaksanakan konsep temujanji secara berjadual bagi semua kes kecuali kes kecemasan;
- iii. Semua majikan perlu melaksanakan waktu kerja anjal bagi mengurangkan kehadiran bilangan pekerja yang ramai dalam satu-satu masa;
- iv. Elakkan kehadiran pelanggan yang mempunyai simptom yang berkaitan pernafasan, warga emas, wanita mengandung dan kanak-kanak di dalam premis;
- v. Bagi pembelian produk, pelanggan digalakkan untuk membuat temujanji dahulu dengan klinik veterinar berkenaan sebelum datang mengambil produk tersebut bagi mengurangkan tempoh masa dan kesesakan di dalam premis; dan
- vi. Sekiranya pelanggan perlu mendapatkan rawatan pakar perubatan veterinar di luar kawasan negeri, pelanggan dikehendaki untuk mendapatkan temujanji dengan klinik dan surat rujukan daripada doktor veterinar berkenaan dan surat kebenaran dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri atau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah yang berdekatan sebelum mengemukakan permohonan kepada Pejabat Polis yang berhampiran untuk tujuan rentas negeri.

2. Protokol pencegahan penyakit dan sekatan:

- i. Majikan perlu menyediakan protokol pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

AN

3. Saringan kesihatan:

- i. Menyediakan alat saringan suhu (thermal scanner);
- ii. Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja dan pelanggan yang hadir;
- iii. Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari;
- iv. Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk klinik; dan
- v. Mewajibkan ujian saringan kesihatan (ujian makmal COVID-19) kepada pekerja asing.

4. Laporan kesihatan:

- i. Semua majikan dikehendaki untuk menghubungi Pejabat Kesihatan berhampiran sekiranya terdapat pekerja yang disyaki mempunyai gejala COVID-19;
- ii. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5 celsius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan. Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat; dan
- iii. Menggunakan aplikasi *MyTrace* bagi kemudahan pengesanan kontak (contact tracing) kepada individu positif COVID-19 dan *MySejahtera* untuk penilaian kesihatan sendiri dan pengesanan hotspot COVID-19.

5. Pembasmian dan nyah kuman premis:

- i. Proses sanitasi dan pembersihan premis perlu dilakukan dengan kerap menggunakan cecair pencuci yang sesuai;
- ii. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis setiap kali sebelum waktu operasi bermula; dan
- iii. Menyediakan dan memastikan penggunaan cecair pembasmi kuman atau (hand sanitizers) di pintu masuk, kawasan umum dan tempat-tempat lain yang perlu atau menyediakan tempat mencuci tangan dengan sabun untuk penggunaan pekerja dan pelanggan.

6. Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja:

- i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter antara pekerja dan antara pelanggan serta menghadkan bilangan pelanggan di dalam premis (sekurang-kurangnya tidak melebihi daripada 3 kes dan satu atau dua pelanggan bagi setiap kes) bergantung kepada keluasan ruang;
- ii. Menyediakan garis panduan amalan terbaik penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan tempat-tempat lain yang berkenaan;
- iii. Pemakaian pelitup separuh muka (face mask) dan sarung tangan (glove) oleh setiap pekerja dan pelanggan adalah digalakkan; dan
- iv. Majikan, pekerja dan pelanggan perlu sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang optimum, kepatuhan sosial dan disiplin diri yang tinggi.

7. Etika di kawasan dalam premis:

- i. Waktu rehat makan pekerja hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kesesuaian yang ditetapkan syarikat; dan
- ii. Kemudahan pantri dan surau dalam premis perlu dikawal dengan amalan penjarakan sosial dalam satu masa.

8. Kenderaan syarikat:

- i. Kenderaan syarikat perlu menjalani proses pembasmian dan nyah kuman setiap kali selepas digunakan; dan
- ii. Kenderaan persendirian digalakkan untuk disanitasi sendiri oleh pekerja mengikut tatacara yang bersesuaian.

9. Tindak balas kecemasan:

- i. Syarikat perlu menyediakan dan melaksanakan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (sekiranya terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19);
- ii. Syarikat bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya kos saringan pekerja sekiranya dirasakan perlu; dan
- iii. Kos pembasmian dan nyah kuman di premis perlu ditanggung Syarikat.

Nota: Syarikat hanya boleh menambahbaik garis panduan ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

MAJLIS VETERINAR MALAYSIA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

8 MEI 2020